



CEMERLANG... Kontinjen UMS yang menyertai ITEX 2012

## UMS cemerlang dalam ITEX 2012

NST 23/05/2012

KOTA KINABALU: UMS telah menyertai 23rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2012 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang berlangsung pada 17-19 Mei 2012.

Program ini telah dirasmikan oleh Datuk Hj. Fadillah Yusof selaku Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurut Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Augustine S.H. Ong selaku Pengerusi Pengangsur menyatakan bahawa penyertaan ITEX 2012 kali ini telah meningkat di mana sekitar 830 penyertaan telah diterima daripada dalam dan luar negara.

Menurut beliau, sebanyak 13 penyertaan luar negara telah diterima antaranya dari Russia, Arab Saudi, Poland dan Korea manakala penyertaan dari Malaysia daripada IPTA, PTS kolej, politeknik dan agensi kerajaan.

Dalam pada itu, UMS telah menghantar sembilan reka cipta penyelidikan dan telah memenangi sebanyak lapan pingat iaitu 2 pingat emas, 3 pingat perak dan 3 pingat gangsa.

Timbalan Pendaftar Kanan, Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS, Mohd Raffie Hj. Janau berkata Prof. Madya Dr. Charles S.

Vairappan telah memenangi dua pingat emas melalui rekacipta penyelidikan beliau yang bertajuk Marine Biopolymer: Bioactive Polymer of Marine Sponge bacteria and Novel Lead Pharmaceutical Compound: Anti-Cancer and Anti Microbe.

Tiga pingat perak diperolehi melalui Prof. Madya Dr. Balakrisnan Parasuraman, Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dan En. Awang Ahmad Mohd Yunus. Penyertaan sulung Dr. Pushpa M. Palaniappan dan Ir Hj. Othman Hj. Ahmad telah berjaya memperolehi pingat gangsa serta begitu juga Prof. Madya Dr Muhammad Iftikhar.

Menurut beliau, ITEX 2012 kali ini telah menarik minat beberapa syarikat untuk mengadakan kolaborasi bagi tujuan pengkomersilan produk-produk UMS antaranya melalui rekacipta oleh Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee D'Jus, An Instant Dehydrated Probiotic Juice selain itu inovasi kaedah penanaman Tongkat Ali yang dikenali sebagai Euryptot oleh Ag. Ahmad Mohd Yunus serta satu sistem perisian yang bertajuk Managing The Employment of Senior Citizen in Malaysia: An Innovative Approach.



TERTARIK... Euryptot (pasu tanaman Tongkat Ali) yang menarik perhatian Fadillah.